

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1992.

Penterjemahan Bagi Maksud Lesen Menduduki Sementara.

Dalam kegunaan perkataan bagi maksud "Temporary Occupation Licence" (TOL) berbagai penterjemahan telah digunakan khususnya oleh Pejabat-Pejabat Tanah dalam mengemukakan kertas-kertas kerja bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Diantara perkataan yang sering digunakan ialah:-

Lesen Tumpangan Sementara.
Lesen Pendudukan Sementara
Lesen Menduduki Sementara.


2. Untuk tujuan keseragaman perkataan yang patut dipakai ialah "LESEN MENDUDUKI SEMENTARA" (LMS) sebagaimana terdapat di dalam borang NLC 3A Pin. 1/87 yang mana penterjemahannya dibuat oleh Peguam Negara Malaysia.

3. Arahan mengenai kegunaan perkataan yang dimaksudkan di atas hendaklah diedarkan kepada semua kakitangan yang berurusan dengan tanah supaya ianya diterima pakai oleh semua pihak yang berkaitan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA".

Saya yang menurut perintah,


(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

EDARAN:

1. Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
2. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.


s.k.

Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Fail: : PTG.TR. G/05/1988/06/02-(24)
Tarikh : 12 Januari 1992
Bersamaan : 7 Rejab 1412.

DNMK/amy.

Dihantar pada 12.1.92

Tandatangan 
Kerani Kounter/Despatch
Pejabat Pengarah Tanah
& Galian Trg.